

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI JUMAAT, 21 NOVEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 1 (A220)**

Adakah kerajaan bercadang untuk menambah jumlah kewangan untuk geran kepada pusat aktiviti warga emas dan adakah kerajaan bersedia menyediakan jumlah penambahbaikan kepada PAWE Sejahtera Endau memandangkan PAWE ini masih baru dan banyak keperluan masih belum ada?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)  
SOALAN 2 (A7)**

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan pusat perkhidmatan komuniti bercorak pendampingan sosial (reaching out). Apakah ada hasrat kerajaan negeri untuk meluaskan aktiviti pusat ini sebagai pusat jagaan warga emas terutama kepada mereka yang tidak mempunyai waris.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)  
SOALAN 3 (A43)**

Apakah langkah Majlis Agama Islam Negeri Johor dalam mengawal dan mengharamkan aktiviti tabung sumbangan tidak berdaftar atau tidak diluluskan, terutamanya di kedai dan restoran, serta apakah mekanisme alternatif yang boleh digunakan bagi menjaga kesucian dan integriti sumbangan umat Islam?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 4 (A187)**

Bilakah projek perkhidmatan tren elektrik (ETS) dari Segamat ke Johor Bahru dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**

**SOALAN 5 (A75)**

Adakah kerajaan negeri bersedia untuk membina Projek Perumahan Rakyat baharu dikawasan tanah milik kerajaan negeri berkeluasan 7 ekar di Kota Iskandar bagi menampung keperluan golongan berpendapatan rendah (B40), serta mengelakan kewujudan kawasan setinggan baharu?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**

**SOALAN 6 (A90)**

Apakah usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan hasil negeri tanpa membebankan rakyat, khususnya melalui pengurusan hasil bumi dan pelaburan strategik?

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 7 (A125)**

Apakah strategi kerajaan negeri untuk memperkukuh penyertaan belia Johor dalam bidang kepimpinan dan pembuatan dasar negeri menjelang 2030?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**

**SOALAN 8 (A113)**

Apakah tindakan dan inisiatif yang telah serta akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor bagi memperkasa peranan Taman Negara Johor sebagai pemangkin kepada pemuliharaan biodiversiti dan pembangunan eko-pelancongan yang mampan?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**

**SOALAN 9 (A189)**

Sejauh manakah Perpustakaan Awam Johor berjaya memenuhi keperluan pembelajaran komuniti setempat?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**

**SOALAN 10 (A175)**

Memandangkan tanaman lada hitam merupakan antara tanaman tradisi negeri Johor yang kini semakin terpinggir, berapakah keluasan semasa tanaman lada hitam di negeri Johor, dan apakah langkah-langkah yang dirancang oleh kerajaan bagi memulihkan serta memperluas tanaman ini ke daerah-daerah lain?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**

**SOALAN 11 (A182)**

PUJB sentiasa membantu peniaga-peniaga kecil di negeri Johor. Adakah PUJB mempunyai program untuk membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan lebih besar?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 12 (A28)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan insentif cukai atau bantuan kepada penduduk yang mengamalkan kitar semula dan pengurangan sisa?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 13 (A141)**

Minta dinyatakan Dasar Semasa Kerajaan Negeri dalam menilai kebersihan negeri terutamanya dari segi kadar kitar semula yang boleh disasarkan.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 14 (A4)**

Berapakah peratusnya penjawat kerajaan terdiri daripada kaum wanita? Adakah kerajaan negeri merancang supaya meningkatkan peratusan penjawat awam wanita dalam jangka masa pendek? Apakah langkahnya dan bilakah boleh dijangka sekurang-kurangnya 30% penjawat awam terutamanya kategori pengurusan terdiri daripada wanita?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**

**SOALAN 15 (A76)**

Apakah langkah kerajaan negeri dalam memastikan aliran trafik dipersimpangan Jalan Ulu Choh-GP Sentral-Gelang Patah supaya lebih lancar dan selamat, memandangkan peningkatan tinggi jumlah kenderaan berat serta aktiviti logistik berkaitan Zon Perindustrian dan pembangunan JS-SEZ di kawasan tersebut?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 16 (A185)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan khas untuk memperkasa pelajar lepasan SPM dari keluarga berpendapatan rendah melalui latihan kemahiran atau TVET?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**

**SOALAN 17 (A9)**

Aktiviti penambakan laut boleh menjejaskan komposisi kepelbagaian biologi melalui pemusnahan ekosistem. Ekosistem yang terganggu akan mengambil masa yang lama untuk dibaikpulih kepada keadaan asalnya. Apakah tindakan pembaikan yang telah diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi permasalahan ini khususnya di Muar.

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**

**SOALAN 18 (A95)**

Sejauh mana keberkesanan program seperti Johor Future Agropreneur dalam menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam bidang pertanian berteknologi tinggi?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 19 (A5)**

Bagaimana kerajaan negeri mengatasi masalah scammer yang semakin meningkat terutamanya dalam media sosial?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**

**SOALAN 20 (A119)**

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor melalui SKMM untuk melindungi rakyat Johor dari terjebak dengan Scammer yang akhirnya menyusahkan rakyat?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 21 (A148)**

Apakah usaha kerajaan negeri untuk memperkasakan kuasa guru dalam mendidik dan mendisiplinkan pelajar tanpa menyalahi undang-undang sedia ada?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 22 (A102)**

Apakah bentuk kebajikan atau program yang telah dijalankan untuk komuniti Orang Asli? Apakah perancangan untuk kerajaan menempatkan semula penduduk Orang Asli yang tinggal di atas tanah-tanah rizab atau tanah bermilik pada masa akan datang seperti di Kg Pasir Putih?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**

**SOALAN 23 (A1)**

Memandangkan Malaysia merupakan tempat kegemaran syarikat e-waste recycle AS untuk membuang e-waste. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk isu ini berlaku di pelabuhan negeri Johor?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 24 (A57)**

Apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh kerajaan negeri dan agensi berkaitan bagi mengurangkan risiko banjir di 339 lokasi berisiko yang telah dikenalpasti oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), khususnya di daerah Muar?

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 25 (A143)**

Dalam usaha memperkukuh sistem pendidikan negeri, apakah inisiatif kerajaan negeri untuk mengkaji semula keperluan pelaksanaan peperiksaan di peringkat sekolah rendah dan menengah?

**YB TUAN SYED HUSSIEN BIN SYED ABDULLAH (MAHKOTA)**

**SOALAN 26 (A204)**

Mohon mengkaji kawasan tanah yang sesuai di DUN Mahkota bagi tujuan Pembangunan litar permotoran bertaraf antarabangsa yang bukan sahaja

menarik pelancong dan pelabur, malah mengalakan golongan belia dalam sukan yang bermanfaat dan selamat.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 27 (A169)**

Apakah halatuju dan dasar pencegahan isu gangguan seksual, siber buli dan buli di sekolah dalam Johor.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**

**SOALAN 28 (A154)**

Adakah Google form sesuai untuk digunakan sebagai pendaftaran bancian ibu tunggal kerajaan negeri tanpa risiko pencerobohan terhadap data peribadi? Sila nyatakan tarikh penyampaian Sumbangan Bantuan Kasih Johor One-off khususnya di DUN Senai dan butiran penerima ibu Tunggal?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 29 (A17)**

Negara seperti Taiwan, Hong kong memberikan vaksin influenza percuma kepada pelajar. Adakah kerajaan negeri bercadang pada masa akan datang untuk memberikan vaksin influenza secara percuma kepada pelajar sekolah supaya kesan influenza dapat dikurangkan dan tidak mengganggu proses pembelajaran disekolah?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 30 (A221)**

Apakah langkah untuk mengurangkan impak projek-projek pembangunan baharu di kawasan Taman Perling terhadap kesesakan lalu lintas?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 31 (A15)**

Nyatakan jumlah produk pelancongan baharu yang telah dibangunkan di negeri ini dalam tempoh dua tahun terakhir, termasuk eko-pelancongan, pelancongan komuniti dan pelancongan agro.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 32 (A19)**

Apakah langkah-langkah diambil kerajaan negeri untuk menambahbaik "accessibility" di Bandaraya Johor Bahru sempena Visit Johor 2026 yang dijangka menerima lebih 12 juta pelancong asing pada 2026?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 33 (A21)**

Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi kategori penerima bantuan tunai one off seperti pekerja Ladang dan suri rumah sepenuh masa pada masa akan datang dan bolehkah jika nilainya ditambah dan data dapat lebih dikemaskini bagi mengelakkan pertindihan nama penerima bantuan?

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 34 (A23)**

Visit Malaysia 2026 akan dilancarkan secara besar-besaran di bulan Disember ini oleh YAB Perdana Menteri. Bagaimana perancangan bagi Visit Johor 2026 pula?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 35 (A30)**

Adakah kerajaan akan memberi sebarang insentif untuk menggalakkan penghasilan produk berkaitan dengan pelancongan memandangkan tahun depan adalah Tahun Melawat Johor dan Tahun Melawat Malaysia?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 36 (A54)**

Apakah usaha dan inisiatif yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Johor bagi mempromosikan produk pelancongan di daerah Muar sempena Tahun Melawat Johor 2026, termasuk program atau kempen yang melibatkan komuniti setempat dan pengusaha tempatan?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**

**SOALAN 37 (A69)**

Mohon dinyatakan apakah langkah-langkah yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk memastikan kempen Visit Johor 2026 dilaksanakan secara menyeluruh termasuk promosi dan penglibatan setiap DUN dalam Negeri Johor.

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 38 (A108)**

Tahun 2026 adalah tahun melawat Negeri Johor, apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor terhadap perancangan pembangunan Pelancongan di Kawasan Sedili. Mohon perkongsian perancangan yang akan dilaksanakan.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**

**SOALAN 39 (A120)**

Apakah perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi Daerah Segamat khususnya DUN Bekok untuk sama-sama terlibat dalam Program Tahun Melawat Johor?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 40 (A151)**

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak acara sukan pelancongan (sports tourism) menjelang Tahun Melawat Johor 2026?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 41 (A159)**

Beberapa inisiatif bantuan kerajaan negeri telah dibuat penyerahan oleh ketua bahagian parti politik dan bukannya ADUN di kawasan DUN pengimbang. Adakah kerajaan negeri akan terus memberikan tugas-tugas yg lazimnya dilakukan oleh ADUN kepada ketua bahagian?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 42 (A174)**

Memandangkan tahun 2026 telah diisytiharkan sebagai Tahun Melawat Johor, apakah lokasi-lokasi utama di daerah Muar yang akan dijadikan tarikan pelancong, dan apakah bentuk promosi serta aktiviti pelancongan yang dirancang oleh kerajaan negeri bagi menarik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.**

-----  
-----  
----- ( Penggulungan YAB Menteri Besar Johor ) -----  
-----  
-----

**5. RUNDINGAN -**

- 5.1 Rundingan mengenai Peranggaran Tambahan Pembangunan Ketiga Tahun 2025.
- 5.2 Rundingan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2026.

**6. RANG UNDANG-UNDANG -**

- 6.1 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) Tahun 2025.
- 6.2 Enakmen Perbekalan (2026) Tahun 2025.
- 6.3 Enakmen Hotel Johor 2025.
- 6.4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.
- 6.5 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.
- 6.6 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) (Pindaan) 2025.
- 6.7 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Pindaan) 2025.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**